



Dakwaan lindungi perniagaan haram di Sungai Buloh SPRM 4 lagi ditahan, termasuk pengarah jabatan MBSA
Muka 7

Dakwaan lindungi perniagaan haram di Sungai Buloh

3 penguat kuasa MBSA, pengarah jabatan ditahan

SPRM sudah tahan 9 kakitangan sejak video tular

Oleh Ilah Hafiz Aziz
illahhafiz.abdulaziz@bh.com.my

Kuala Lumpur: Empat kakitangan Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) termasuk seorang pengarah jabatan, ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) selepas disyaki terlibat dalam sindiket melindungi premis perniagaan haram di sekitar daerah Sungai Buloh, Selangor.

Penahanan pengarah berusia tingkung 50-an itu dan tiga penguat kuasa terbabit, menjalani seramai sembilan kakitangan pihak berkuasa tempatan (PBT) berkenaan ditahan SPM sejak operasi khas dijalankan susulan isu premis perniagaan haram di Bandar Baru Sungai Buloh, Selangor tular.

Pengarah berkenaan ditahan di Ibu Pejabat SPM di Putrajaya pada jam 10 pagi semalam selepas penahanan tiga penguat kuasa MBSA yang berusia antara 40 hingga 43 tahun di lokasi sama pada jam 2 petang kemarin.

Lelaki terbabit kemudian dilawat ke institusi di Putrajaya kira-kira jam 3 petang semalam dan dibenarkan ditahan reman sehingga 19 Ogos ini untuk siasatan. Terdahulu pada sebelah pagi, tiga penguat kuasa yang



Anggota SPRM mengiringi raja penguat kuasa MBSA ke Mahkamah Majlis Persekutuan, semalam.

(Foto Bernama)

ditahan pada jam 2 petang kemarin turut dibenarkan ditahan reman selama enam hari.

Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM, Datuk Seri Ahmad Khusairi Yahaya ketika dihubungi BIL mengesahkan penahanan tertarui itu, namun enggan mengulas lanjut.

Kemaslahat laju, seseorang penolong pegawai penguat kuasa diremehkan tujuh hari untuk membantu siasatan SPRM berhubung kes merana rasuah bagi melindungi premis perniagaan haram di Sungai Buloh.

Selari sebelum itu, empat penguat kuasa PBT sama juga direman tujuh hari bagi membantu siasatan kes sama.

Kes membabitkan perniagaan haram di Bandar Baru Sungai Buloh itu menjadi hangat apabila tular dua klip video sebelum itu yang mendakwa pihak berkuasa tidak mengambil tindakan terhadap operasi penapisan perjudian dan warga asing yang menjual rokok setiap di kawasan berkenaan.

Pendedahan berkenaan dilihat menerusi laman sosial Facebook

Hot Burger Malaysia dan dikongsikan akun Mohd Asri Hamid, 42, yang turut dikenali sebagai Asri Janggut.

Susulan itu, SPRM melakukan siasatan terhadap dakwaan berkenaan dengan kerjasama Jabatan Integriti dan Pematuhan Standard (JIPS) Bukit Aman sebelum menahan penguat kuasa MBSA serta seorang pemang-

Difahamkan, mereka yang terbabit melindungi premis perniagaan haram itu didakwa menerima labuan antara RM300 hingga RM3,500 secara bulanan.